

Headline	Perlu mekanisme jangka panjang		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	21 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Mahkamah	Color	Black/white
Page No	2	ArticleSize	132 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 1,183	PR Value	RM 3,548



## Perlu mekanisme jangka panjang

**SHAH ALAM** – Kerajaan perlu memikirkan mekanisme jangka masa panjang berbanding cadangan kesan jangka pendek yang hanya menguntungkan segelintir rakyat.

Pakar Ekonomi Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Amir Hussin Baharudin berkata siri kenaikan harga barang dan perkhidmatan ini mengundang lebih banyak masalah kepada kerajaan apabila perlu mencari mekanisme bersesuaian untuk ringankan beban daripada kesan kenaikan tersebut.

“Sebagai contoh, cadangan memberikan rebat kepada pengguna tol pada waktu kemuncak hanya bersifat sementara dan tidak menyeluruh dalam mengurangkan bebanan rakyat dengan kenaikan kadar tol dan tarif elektrik. Jadi kerajaan perlu fikirkan mekanisme lain

**“ Jika boleh dielakkan, sepatutnya perkara ini perlu ditangguhkan dan dikaji semula supaya rakyat tidak terbeban dengan kenaikan kos sara hidup yang tinggi.”**

**- Prof Amir**

yang bersesuaian.

“Jika kerajaan terpaksa menaikkan juga, cadangan saya ialah kerajaan perlu menambahkan kadar pemberian BR1M untuk rakyat tampung kos tambahan akibat kenaikan tersebut,” katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Menurutnya, kerajaan perlu mengkaji semula mengenai kenaikan tersebut ke-

rana akhirnya rakyat yang terpaksa menanggung kesan daripada perkara itu.

“Jika boleh dielakkan, sepatutnya perkara ini perlu ditangguhkan dan dikaji semula supaya rakyat tidak terbeban dengan kenaikan kos sara hidup yang tinggi.

“Sudah tiba masa kerajaan perlu berkata ‘tidak’ kepada permintaan syarikat korporat yang saya yakin mereka hanya memikirkan soal keuntungan semata-mata,” katanya.

Pada masa yang sama, Amir berkata jika kenaikan tidak dapat dielakkan, kerajaan perlu memastikan kenaikan tersebut berada pada kadar minimum.

“Kerajaan perlu meneliti kos sebenar terhadap apa yang dituntut oleh syarikat korporat yang terlibat supaya ianya tidak melibatkan kenaikan yang tidak sepatutnya.